

20 NOV 1999

Mahathir-Pembangkang

PAKATAN PEMBANGKANG CUMA SEMENTARA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 20 Nov (Bernama) -- Pakatan pembangkang mewujudkan pertandingan satu lawan satu dengan Barisan Nasional (BN) di kebanyakan kawasan pada pilihan raya umum ke-10 ini bersifat sementara sahaja, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pakatan pembangkang itu, yang menggelarkan diri mereka sebagai Barisan Alternatif, adalah berbeza dengan BN yang kekal sebelum dan selepas pilihan raya demi kepentingan rakyat dan kemajuan negara.

"Mereka cuma berpakat (tentang pembahagian kerusi) semasa pilihan raya ini dan selepas pilihan raya mereka akan bertumbuk semula," katanya pada perjumpaan dengan pekerja BN Parlimen Kubang Pasu, di Dewan Jitra, di sini, malam ini.

Pakatan pembangkang itu dianggotai oleh DAP, PAS, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia.

Dr Mahathir berkata pembangkang cuma berpakat sesama mereka dan bukannya satu barisan kerana mereka menggunakan simbol yang berlainan apabila bertanding.

Perdana Menteri berkata terdapat banyak pertandingan satu lawan satu kali ini berbanding dengan tiga, empat dan kadang-kadang lima penjurua pada pilihan raya-pilihan raya umum yang lepas.

Pembangkang berpakat tidak bertanding satu sama lain kali ini dengan harapan penyokong mereka akan saling menyokong calon pembangkang, katanya.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, turut mengulas mengenai bekas Menteri Besar Kedah dan ADUN Jitra Tan Sri Osman Aroff yang tidak dicalonkan semula kali ini.

"Saya sudah berbincang dengan beliau dan saya mencadangkan supaya beliau tidak dicalonkan semula," katanya.

Perdana Menteri berkata setelah tidak menjadi Menteri Besar, adalah lebih bagi Osman menumpukan perhatian kepada kegiatan lain dan tidak sekadar menjadi "penyokong" sahaja.

Beliau berkata Osman menerima baik perkara itu.

DUN Jitra terletak di bawah Parlimen Kubang Pasu.

-- BERNAMA

JM/HT MFJ NAK